



LAPORAN TAHUNAN **2023**

KEJAYAAN DALAM KEBERKATAN



WAQAF FELDA, Tingkat 46,
Menara FELDA, No 11, Persiaran KLCC,
Platinum Park, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia



03-21912191



www.waqaffelda.com.my



Waqaf Felda Official



[waqaffelda](#)



[waqaf_felda](#)

wcäpf
FELDA

ISI KANDUNGAN

Latar Belakang

Pensyariatan Wakaf	2
Visi, Misi, Nilai, Objektif Penubuhan	3-5
Imbasan 2023, Visualog, Mesyuarat Agung	6
Maklumat Korporat	9

1

Perutusan Waqaf Felda

Perutusan Pengurus	11
Perutusan Ahli Lembaga Pengarah	12
Kenyataan Syariah	13

10

Profil Syarikat Waqaf Felda

Ahli Lembaga Pengarah	15
Profil Lembaga Pengarah	16

14

Penubuhan Jawatankuasa Waqaf Felda

Jawatankuasa Syariah	21
Jawatankuasa Pelaburan	22
Jawatankuasa Eksekutif	23

20

Pengurusan Waqaf Felda

Carta Organisasi	24
------------------	----

23

Model Waqaf Felda

Model	29
Keahlian Sumber Dana Wakaf	30
Kategori Keahlian Waqaf Felda	31
Pengagihan Manfaat Waqaf Felda	32
Sasaran Pewakaf	33-34
Laporan Agihan Dana Sosial 2023/2024	35
Saluran Berwakaf	36

27

Laporan Aktiviti Waqaf Felda

37



LATAR BELAKANG

01



Soalan Lazim

Apakah perbezaan wakaf, zakat, dan sedekah?

Daripada sudut penerima, zakat hanya boleh diagihkan kepada asnaf sahaja. Sedekah boleh diberi kepada sesiapa sahaja. Manakala wakaf hanya boleh diagih manfaatnya kepada penerima yang di sebut dalam ijab dan qabul(sighah), sama ada umum atau pun khusus.



PENSYARIATAN WAKAF

“ H A D I S IBN UMAR R.A. ”

Diriwayatkan bahwa Umar ibn Al-Khattab R.A. berkata:

"Aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, dan aku datang kepada Nabi SAW untuk meminta nasihat. Nabi SAW bersabda, 'Jika kamu mahu, tahanlah (pokoknya) tanah itu, dan sedekahkan manfaatnya, tidak dijual, tidak dihibahkan, dan tidak diwariskan.'"

(*HR. Bukhari dan Muslim*)

Dalam konteks ini, Umar mewakafkan tanahnya untuk digunakan oleh masyarakat, yang menunjukkan bahwa manfaat dari wakaf itu akan terus berlanjut dan pahalanya akan terus mengalir kepada pewakaf.

Umar Bin Khattab sangat menyukai tanah itu yang ditumbuhi pohon kurma kerana kesuburannya dan hasil yang banyak. Dia meminta nasihat Rasulullah tentang apa yang perlu dilakukan dengan tanah itu. Rasulullah menyarankan agar Umar menahan pokoknya dan menyedekahkan hasilnya kepada fakir miskin.

Umar pun mengikuti nasihat tersebut dan menyedekahkan hasilnya kepada fakir miskin, kerabat, hamba sahaya, dan orang-orang yang berada di jalan Allah. Pada zaman Rasulullah, sahabat-sahabat berlumba-lumba untuk berwakaf dan memberikan harta mereka di jalan Allah, kerana mereka tahu ganjaran yang besar menanti. Pahala dari wakaf ini akan terus mengalir walaupun si pemberi telah menyempurnakan hayatnya.

VISI KAMI

Menjadi sebuah institusi Waqaf Korporat® terulung di peringkat global

MISI KAMI

Melestarikan institusi wakaf melalui kemampunan sumber, pelaburan berimpak tinggi dan memperkuuh sosioekonomi ummah

NILAI KAMI



WAWASAN

Wawasan yang jauh ke hadapan dalam industri Waqaf Korporat untuk menjadikan wakaf sebagai kuasa ekonomi ketiga.



AKAUNTABILITI

Akauntabiliti terhadap segala kewajiban, tindakan, dan tanggungjawab sebagai Mutawalli yang memegang amanah memelihara dana wakaf.



QURANIK

Quranik dengan mengintegrasikan tadbir urus korporat dan prinsip syariah dalam segenap aktiviti, pelaburan dan kegiatan organisasi.



AMANAH

Amanah terhadap setiap tanggungjawab yang diberi terutamanya dalam memperoleh, memelihara, dan mengembangkan dana wakaf serta mengagihkan manfaatnya.



FATANAH

Fatnah, iaitu bijaksana yang merupakan salah satu syarat dalam menggalas tanggungjawab agar setiap perkara dapat diselesaikan dengan solusi yang bersesuaian.

OBJEKTIF PENUBUHAN

1.

KELESTARIAN WAKAF

Menjamin penyaluran sumbangan wakaf yang berterusan melalui kefahaman dan kesedaran kebaikan berwakaf

2.

PELABURAN BERIMPAK TINGGI

Melaksanakan pelaburan dan pengurusan aset patuh Syariah yang memberikan pulangan yang tinggi

3.

KEPELBAGAIAN MANFAAT

Mempelbagaikan bentuk manfaat demi kemakmuran dan kesejahteraan ummah

4.

PEMERKASAAN TADBIR URUS

Memperkuatkan tadbir urus wakaf melalui nilai-nilai Environment, Social and Governance berlandaskan syariat Islam

IMBASAN 2023

2023



JANUARI

Ajihan Manfaat Waqaf Cakna –
Waqaf Felda, Kikitangan Felda dan
Kikitangan Anak Syarikat Felda

FEBRUARI

Bantuan Bencana:
Mangsa Banjir



MAC

- Kerjasama Peduli Insan
- Ajihan Manfaat: Gelandangan KL

APRIL

- Kempen Waqaf Berkat Ramadan
- Bantuan Bencana Turkiye Syria: Projek Iftar Ramadan Pelarian Syria
- Majlis Pelancaran Wakaf Tandan

MEI

Ziarah Kasih &
Penerangan

JUN

Mesyuarat Agung
Tahunan WAQAF FELDA



JULAI

- JPPK Berselawat
- Kaunter Hari Peneroka Felda 2023

OGOS

- Ajihan Manfaat Kerusi SK Kemahang 01
- Ajihan Manfaat Penimbang Getah Chuping

SEPTEMBER

- Persidangan Wakaf Madani 2023
- Program Lawatan ke UDA Holdings dan tapak Wakaf Setee Aisah Pulau Pinang



OKTOBER

Bulan Wakaf (FELDA Wilayah Segamat, FELDA Wilayah Terengganu, FELDA Wilayah Sahabat dan FELDA Wilayah Gua Musang

NOVEMBER

Ziarah Kasih & Penerangan

DISEMBER

- Bengkel Pengurusan Masjid Wilayah Trolak
- Multaqa' Dai Waqaf FELDA

VISUALOG



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN WAQAF FELDA

2022



2023



MAKLUMAT KORPORAT

No. Pendaftaran : 202101011212 (1411511 – T)

Tarikh Pendaftaran : 26 Mac 2021



TARIKH PELANCARAN

12 November 2021

JENIS SYARIKAT

Syarikat Berhad Menurut Jaminan
(Company Limited By Guarantee)

PEJABAT BERDAFTAR

Pejabat Pengarah Besar Tingkat 47 Menara
FELDA, Platinum Park, No 11, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur

LAMAN SESAWANG

www.waqaffelda.com.my

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Sri Ahmad Shabery Bin Cheek
Dato' Amiruddin Bin Abdul Satar
En. Izham Bin Mustaffa
Datuk Haji Mohd Ajib Bin Ismail
Datuk Mohd Nizam Bin Haji Yahya
Dr. Haji Razali Bin Othman
En. Haji Jamaludin Bin Md Ali
Dr. Resul Bin Sapar
Dr. Yusri Bin Mohamad

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norhana Binti Ramli (BC/N/1815)

JURUAUDIT SYARIKAT

MNZWAJA (AF 001959)
Akauntan Bertauliah (Malaysia)
No 19-2-1, Jalan Wangsa Delima 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC)
53300 Kuala Lumpur

BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad (Maybank)
MBSB Bank Berhad



PERUTUSAN WAQAF FELDA

02



Soalan Lazim

Bolehkah kanak-kanak berusia 10 tahun berwakaf?

Walaupun tampak baik, malangnya dalam fiqh, kanak-kanak yang belum berakal dan baligh tidak mempunyai kelayakan untuk bersedekah dan berwakaf.

PERUTUSAN PENGERUSI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyokong perjuangan WAQAF FELDA sama ada secara langsung maupun tidak langsung.

Waqaf FELDA, yang telah dirasmikan oleh Mantan Perdana Menteri ke-9, iaitu YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaacob pada 21 Disember 2021, merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang berperanan sebagai Mutawalli untuk mengutip, mengendali, menguruskan, serta mengagihkan wakaf. Dengan visi untuk menjadi sebuah institusi Waqaf Korporat™ terulung di peringkat global, kami berusaha keras untuk mencapai matlamat ini.

Pada tahun 2023, WAQAF FELDA telah berjaya mengutip dana wakaf hampir RM10 juta, menjadikan jumlah terkumpul dana wakaf sebanyak RM37.4 juta. Agihan manfaat wakaf telah memberikan impak yang besar dalam memenuhi maslahat dharuriyyat (keperluan mendesak). Sebanyak 80% agihan manfaat 2023 adalah untuk memenuhi keperluan mendesak yang meliputi lima kluster: Kesihatan & Daif, Pendidikan & Kerohanian, Bencana, Kemudahan Awam, dan Ekonomi. Agihan-agihan manfaat ini sebahagian besarnya untuk memelihara nyawa lantaran kedaifan hidup dan juga ujian penyakit.

Sepanjang tahun 2023, WAQAF FELDA telah memperkenalkan kempen Wakaf Berkat 10, yang menggalakkan warga Peneroka FELDA serta Petugas FELDA untuk menyumbang serendah RM10 sebulan menerusi potongan pendapatan. Objektif kempen ini adalah untuk menanam persepsi bahawa "Berwakaf itu mudah". Hasilnya, kedudukan potongan bulanan warga Peneroka dan Petugas FELDA telah meningkat.

WAQAF FELDA tidak bertindak secara 'silo' dalam hal ehwal kebajikan. Kami membuka ruang kerjasama seluas-luasnya bersama institusi lain. Contohnya, usaha sama sinergi bersama Peduli Insan, sebuah NGO yang berperanan untuk mengagihkan manfaat wakaf kepada mangsa-mangsa bencana di Turki dan Syria semasa gempa bumi yang dahsyat melanda pada 6 Februari 2023. Selain itu, kami turut mengagihkan manfaat wakaf demi kepentingan kemudahan awam warga Peneroka getah di FELDA Chuping dalam bentuk penimbang getah digital. Sebagai salah satu program tahunan, WAQAF FELDA turut berkolaborasi bersama Yayasan FELDA untuk menyantuni para gelandangan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

DATO' SRI AHMAD
SHABERY CHEEK
PENGURUSI WAQAF FELDA

Kejayaan WAQAF FELDA tidak diraih tanpa cabaran. Antara cabaran yang ditempuh adalah persepsi dan kefahaman orang ramai terhadap wakaf. Masih ramai lagi umat Islam yang tidak memahami kehebatan wakaf yang pernah membina empayar Turki Uthmaniyyah yang gah. Untuk mengatasi cabaran ini, pasukan dakwah WAQAF FELDA yang terdiri daripada para dai telah bertungkus lumus menyampaikan dakwah kepentingan dan kehebatan wakaf ke seantero Rancangan FELDA serta institusi syarikat seluruh Malaysia.

Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyokong dan bekerjasama dengan WAQAF FELDA. Harapan saya adalah agar WAQAF FELDA terus maju ke hadapan dan menjadi contoh kepada institusi wakaf lain. Saya menyeru agar semua pihak terus menyokong WAQAF FELDA dalam usaha murni ini. Semoga kita semua diberkati dan dirahmati Allah SWT.

Sekian, terima kasih. Wa billahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PERUTUSAN AHLI LEMBAGA PENGARAH

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya WAQAF FELDA sekali lagi dapat menerbitkan laporan tahunan yang merangkumi aktiviti serta pencapaian WAQAF FELDA sepanjang tahun 2023. Penerbitan ini merupakan salah satu usaha yang baik dalam menyalurkan maklumat dan informasi mengenai aktiviti yang telah dilaksanakan kepada masyarakat oleh pihak WAQAF FELDA.

Selaku salah seorang Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat, secara langsung atau tidak, untuk terus memajukan WAQAF FELDA. Dalam usaha untuk memperkenalkan dan melebarkan sayap hingga ke peringkat yang lebih tinggi dan dikenali oleh masyarakat Malaysia, laporan ini sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan.

Sepanjang tahun 2023, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh warga WAQAF FELDA bagi memperkenalkan wakaf kepada masyarakat Malaysia. Alhamdulillah, segala usaha dan komitmen tersebut membawa hasil, di mana akhirnya ia mendapat sambutan yang memberangsangkan dari warga peneroka. Ini jelas membuktikan bahawa inisiatif dan gerak kerja yang dilaksanakan oleh WAQAF FELDA mampu menjadi pemangkin untuk mewujudkan produk kewangan Islam yang sangat sofistikated, berinovasi dan berdaya saing.

Seperti yang kita sedia maklum, pelbagai medium pembayaran kini tersedia bagi memudahkan pembayaran wakaf dibuat antaranya melalui potongan gaji petugas, potongan paysheet warga peneroka, pembayaran secara atas talian, dan melalui laman web. Ini tidak lain tidak bukan bertujuan untuk memudahkan masyarakat untuk berwakaf dan akhirnya hasil manfaat tersebut dapat diberikan kepada mereka yang memerlukan. Justeru, saya menyeru seluruh warga peneroka dan FELDA untuk bersama-sama berwakaf demi kebaikan bersama.

Akhir kata, saya berharap WAQAF FELDA akan terus mengekalkan momentum kecemerlangannya bagi mengorak kejayaan pada masa akan datang. Seiring dengan peredaran masa, semoga WAQAF FELDA dapat memastikan penubuhannya sebagai satu entiti wakaf akan terus kekal relevan dan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada masyarakat demi kemaslahatan ummah.

"Dan sesungguhnya amalan yang paling dicintai Allah adalah amalan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit."
(Hadis Riwayat Bukhari)



DATUK MOHD
**NIZAM
YAHYA**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

KENYATAAN SYARIAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, serta selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, dan juga ke atas keluarga serta semua sahabat Baginda.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Kami, ahli Jawatankuasa Syariah WAQAF FELDA ("Jawatankuasa") yang terdiri daripada empat (4) orang yang berikut:

- (a) Dr Yusri Mohamad (Pengerusi Jawatankuasa sehingga 31 Disember 2023); Bersama ahli-ahli Jawatankuasa yang berikut
- (b) Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali Mohd Adnan (Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan);
- (c) Dr Faisal Mustaffa; dan
- (d) Prof Madya Dr Nurul Aini Muhamed



dengan ini mengesahkan bahawa kami telah menyemak aktiviti syarikat dan cadangan pelaburan yang diperkenalkan oleh barisan Pengurusan WAQAF FELDA ("Pengurusan") dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023. Semasa pada tahun tersebut, Jawatankuasa Syariah telah bersidang sebanyak tiga (3) kali dan semua ahli telah memenuhi syarat kehadiran minimum yang memerlukan ahli Jawatankuasa Syariah menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang diadakan pada setiap tahun kewangan.

Kami telah menyediakan khidmat nasihat Syariah mengenai pelbagai aspek kepada WAQAF FELDA untuk memastikan pematuhan terhadap prinsip Syariah yang terpakai serta fatwa yang telah diwartakan dan ketetapan berkaitan yang dibuat oleh pihak berkuasa dan badan berautoriti.

Pengurusan telah menjalankan penyelidikan dan semakan Syariah yang dikendalikan oleh Sekretariat Syariah dan sebarang hasil penyelidikan telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa. Jawatankuasa dengan ini mengesahkan bahawa usaha sewajarnya telah diambil oleh Pengurusan untuk menerapkan Budaya Pematuhan Syariah dalam WAQAF FELDA.

Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan WAQAF FELDA menjalankan segala bentuk operasi, perniagaan, dan pelaburannya mengikut peraturan dan prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membentuk pendapat yang bebas, berdasarkan semakan kami terhadap operasi WAQAF FELDA dan melapkannya kepada Lembaga Pengarah sebelum pendedahan dilakukan menerusi laporan tahunan syarikat.

Kami berpendapat bahawa:

- (a) Produk baru, inisiatif perniagaan dan program yang diperkenalkan oleh WAQAF FELDA sehingga tahun berakhir 31 Disember 2023, yang telah kami semak adalah mematuhi peraturan dan prinsip Syariah;
- (b) Sumber dana untuk perniagaan dan pelaburan WAQAF FELDA yang didedahkan kepada kami sehingga tahun berakhir 31 Disember 2023, juga mematuhi peraturan dan prinsip Syariah;

Kami memohon perlindungan Allah atas perkara yang tidak kami ketahui, dan ketahuilah bahawa Allah Maha Mengetahui.





PROFIL SYARIKAT

WAQAF FELDA

A large, stylized orange number '03' is positioned behind a dense green hedge. The '0' and '3' are separated by a small gap. The hedge has some red flowers at the top.

Soalan Lazim

Bolehkah dana wakaf dilaburkan?

Wakaf yang pertama di dunia adalah wakaf Saidina Umar al- Khattab terhadap tanahnya di Khaibar (rujuk Fiqh Manhaji Jilid 5). Jenis wakaf tanah beliau adalah dalam bentuk pelaburan, iaitu tanah wakaf dilaburkan dengan projek pertanian, dan hasil pertanian diagih sebagai kebajikan.

Justeru, jawapannya: boleh dana wakaf dilaburkan berdasarkan sunnah dan athar Sahabat Rasulullah.

AHLI LEMBAGA PENGARAH



DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK

Pengerusi FELDA



PUAN NORHANA RAMLI

Setiausaha Syarikat



DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR

Pengarah Besar FELDA

ENCIK IZHAM BIN MUSTAFFA

Timbalan Pengarah Besar (Operasi) FELDA

DATUK MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP



DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI

Pengarah Bebas

DR. HAJI RAZALI BIN OTHMAN

Pengarah Bebas



DR. RESUL BIN SAPAR

Pengarah Bebas

DR. YUSRI BIN MOHAMAD

Ahli MAIWP

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



DATO' SRI AHMAD SHABERY BIN CHEEK Pengerusi FELDA / Penggerusi WAQAF FELDA

Beliau telah dilantik sebagai Penggerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sejak 1 Julai 2023. Sebelum ini beliau merupakan bekas Menteri di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2015-2018) dan juga bekas Menteri di Kementerian Komunikasi dan Multimedia (2013-2015). Dato' Sri Ahmad Shabery Bin Cheek juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Kemaman, Terengganu, kampung halamannya dari 2004 hingga 2018.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Politik dari Universiti of Leeds, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya (UM). Disamping itu, beliau juga mengambil Diploma Lanjutan Perhubungan Antarabangsa di Universiti Uppsala, Sweden.

Beliau pernah menceburi profesi pendidikan apabila menjadi seorang pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya pada tahun 1990 dan pernah menjadi fellow penyelidik di Institut Kajian Asia Tenggara Singapura (ISEAS).

DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR Pengarah Besar FELDA

Beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA serta merupakan seorang Pengarah Besar di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mulai tahun 2020. Beliau memiliki kelulusan MBA dari Henley Business School, University of Reading, United Kingdom, serta merupakan ahli Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dari United Kingdom dan Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden dan Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pengurus Besar Kumpulan, Timbalan Pengurus Besar dan Pengurus Kewangan di KPJ Healthcare Bhd. Selain itu, beliau juga merupakan seorang Pengurus Kewangan di Lembaga Tabung Haji, Akauntan di Bousted Holding Berhad dan seorang Eksekutif Kewangan di UMW Toyota Sdn. Bhd.

Disamping itu, beliau mempunyai keahlian profesional di dalam Jawatankuasa Penasihat Malaysia (MAC), Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM). Beliau juga memegang jawatan Pengarah di dalam syarikat yang tersenarai seperti Jentayu Sustainable Berhad (F.K.A IPMUDA Berhad) dan FGV Holdings Berhad, serta di syarikat tidak tersenarai seperti Federal Land Development Authority (FELDA), Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB) dan Felda Investment Corporation Sdn. Bhd. (FIC).



PROFIL LEMBAGA PENGARAH



ENCIK IZHAM BIN MUSTAFFA

Timbalan Pengarah Besar (Operasi) FELDA

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 10 Ogos 2022. Beliau berkelulusan Program Peneraju Prestasi Tinggi, SAID Business School University Of Oxford, England serta memiliki Sarjana Pengurusan Industri Perladangan, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor dan Sarjana Muda Sains Perhutanan dengan Kepujian (B. Hons. For. Sc.), Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor.

Beliau merupakan Pengerusi Felda Plantation Management Sdn Bhd dan Lembaga Pengeluaran Batang Minyak Sawit Kebangsaan. Sebelum ini, beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Industri Hiliran Minyak Sawit MPOB. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Gantian Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), dan memegang pelbagai jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam beberapa syarikat seperti Sinergi Perdana Sdn Bhd, Sinergi Perdana Marketing Sdn Bhd, Ladang Tai Tak Plantation Sdn Bhd, FIC Hospitality Management Sdn Bhd, FIC UK Properties Sdn Bhd, Grand Plaza Kensington Limited, dan FIC Global Limited.

Selain itu, beliau adalah Pakar Institusi Koperasi Koperasi Kaktangan FELDA Malaysia Berhad (FELKOP), serta Ahli Jawatankuasa Perlaksanaan & Pemantauan Keberkesanan Pelan Pemulihan FELDA dan Sekretariat Jawatankuasa Produktiviti dan Permuafakatan Kualiti FELDA & FGVHB.



DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 5 April 2022. Beliau memiliki Sijil Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di Institute Leadership of Management, London, United Kingdom serta Sijil Perundungan dan Fatwa di Darul Ifta, Kaherah, Mesir. Beliau merupakan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Disamping itu, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Pusat Pungutan Zakat MAIWP dan Ahli Lembaga Pengarah Pusat Wakaf MAIWP.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



DATUK MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 5 April 2022. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemangku Ketua Pegawai Eksekutif di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mulai 1 Mac 2021. Sebelum ini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Pengurus Baitulmal di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.



DR. HAJI RAZALI BIN OTHMAN

Pengarah Bebas

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Beliau memiliki Ph.D. Pengurusan Aset Islam dari Universiti Sains Malaysia, MBA Major Pemasaran dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan B.Ekon. (Hons) Double Major Ekonomi dan Pemasaran dari Universiti Utara Malaysia. Beliau telah mendapat perlantikan rasmi sehingga hadir di pelbagai agensi kerajaan dan swasta, terutamanya dalam bidang Pengurusan Aset Islam, pengumpulan dana rohani ketuhanan, dan pemasaran perkhidmatan. Selain itu, beliau juga merupakan Perunding Utama, Pengurusan Aset Islam & Pengumpulan Dana Kerohanian di ESI Training & Consultancy, Perdana Selatan, Selangor dan Penasihat Wakaf di WAQAFA International Sdn Bhd (WAQAFA)



HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI

Pengarah Bebas

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Beliau merupakan bekas Penasihat Waqaf An Nur Corporation Berhad (WanCorp) pada tahun 2019. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian Kelas Kedua Tinggi) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of Strathclyde, Glasgow, United Kingdom. Disamping itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif WanCorp disamping menjadi Naib Presiden Kanan, Divisyen Tanggungjawab Korporat. Beliau juga pernah dilantik sebagai penasihat Wakaf bagi PKEINPK Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik penuh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Perak.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



DR. RESUL BIN SAPAR

Pengarah Bebas

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Berkelulusan Ph.D. dalam Kewangan Islam dan Sarjana dalam Kewangan Islam di INCEIF serta Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya. Kini, beliau merupakan seorang Pensyarah untuk subjek Kewangan Islam bagi program MBA di Universiti Putra Malaysia. Selain itu, beliau adalah seorang Pengarah Bebas bukan Eksekutif Mara Corporation Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kewangan dan Audit Lembaga, Lembaga Pengarah Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan serta Jawatankuasa Tata tertib Lembaga.

DR. YUSRI BIN MOHAMAD

Ahli MAIWP

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Beliau berkelulusan Ph.D. Ijtihad Semasa dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Sarjana Undang-undang (LLM) di School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti of London dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah (Double Major) dari Universiti Islam Antarabangsa. Beliau merupakan seorang penasihat dan konsultan Syariah dalam pelbagai kapasiti, Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Ahli Lembaga Pengarah Jawatankuasa di bawah MAIWP. Beliau juga merupakan seorang Peguam Syarie di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.





PENUBUHAN JAWATANKUASA WAQAF FELDA



Soalan Lazim

Bagaimanakah dana wakaf di WAQAF FELDA dilaburkan?

WAQAF FELDA melaburkan dana wakaf berdasarkan keputusan kewajaran (*due diligence*) daripada Jawatankuasa Pelaburan yang terdiri daripada ahli profesional yang berpengalaman dalam dunia pelaburan. Setelah itu, prospek pelaburan akan diteliti pula oleh Jawatankuasa Syariah untuk pengesahan kepatuhan syariah. Strategi pelaburan dana wakaf adalah *capital preservation* agar dana wakaf tidak terjejas dan tetap memberi pulangan yang stabil.

JAWATANKUASA SYARIAH



DR. YUSRI BIN MOHAMAD
Ahli MAIWP



PUAN NORHANA RAMLI
SETIAUSAHA SYARIKAT



**DR. MOHD FAISAL
MUSTAFFA**
Ketua Pegawai Strategi &
Transformasi Lembaga Zakat
Negeri Kedah



**SAHIBUS SAMAHAH
JAMALI MOHD ADNAN**
Timbalan Mufti Wilayah
Persekutuan



**PROF. MADYA DR.
NURUL AINI MUHAMED**
Timbalan Pengarah Pusat
Wakaf dan Zakat USIM

JAWATANKUASA PELABURAN



HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI
Pengarah Bebas



PUAN NORHANA RAMLI
SETIAUSAHA SYARIKAT



**TUAN SYED FADIL
BIN SYED SOFI**
Pengarah Pelaburan
Strategik FELDA



**TUAN HAJI AZIDI
BIN DAUD**
Ketua Pengurusan
Penyata Imbangan MBSB

JAWATANKUASA EKSEKUTIF



**DATO' AMIRUDDIN
BIN ABDUL SATAR**
Pengerusi



**USTAZ HISYAM BIN
AHMAD**
Setiausaha



**ENCIK IZHAM BIN
MUSTAFFA**

Ahli



**DATUK HAJI MOHD
AJIB BIN ISMAIL**

Ahli



DR. RESUL BIN SAPAR

Ahli



**HAJI JAMALUDIN
BIN MD ALI**

Ahli



**DR. HAJI RAZALI BIN
OTHMAN**

Ahli

PENGURUSAN WAQAF FELDA

05

Soalan Lazim

Adakah WAQAF FELDA dimiliki oleh FELDA?

WAQAF FELDA diasaskan tetapi tidak dimiliki oleh FELDA kerana WAQAF FELDA adalah sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SSMJ) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, yang mana tidak menerbitkan sebarang syer pemilikan.

WAQAF FELDA diasaskan oleh FELDA dan ditauliahkan sebagai Mutawalli oleh MAIWP untuk mentadbir dana wakaf.

CARTA ORGANISASI PETUGAS 2022-2023



RAZUWAN CHE ROSE
Ketua Pegawai Eksekutif



**FARIDATUL NADIRA
SABARI**
Setiausaha Pejabat



USTAZ HISYAM AHMAD
Ketua Pegawai Operasi

**BAHAGIAN PENGURUSAN &
PENTADBIRAN**



**MOHD ISKANDAR
YUSOF**
Pengurus Kanan

BAHAGIAN OPERASI



**USTAZ MUHAMAT FAIZAL
MARJANI**
Pengurus

**BAHAGIAN KEWANGAN &
PELABURAN**



**MOHD SUFFIAN
MOHAMAD ISHAK**
Pengurus Kanan



**SITI NORATIFA
IDAYU**
Pembantu Eksekutif



**KHAIRUL AZWAN
HABIB**
Pembantu Eksekutif



**USTAZAH AKIPAH
DEANA NAZIHAH**
Pembantu Eksekutif



**USTAZ MOHD
NASHARUDIN SAID**
Pembantu Eksekutif



**NUR AFIQAH NADIA
AHMAD TAJUDDIN**
Pembantu Eksekutif
(Kewangan)



AZWAN AMERI
Kerani Kanan



**MUHAMMAD
SYAIFUL ZIKRI**
Pembantu Eksekutif



**USTAZ NOR AZLAN
ABD KARIM**
Pembantu Eksekutif



**USTAZ HASAN
HUSSIN**
Pembantu Eksekutif



**USTAZ FAKHRURAZI
CHE MAT ISA**
Pembantu Eksekutif

CARTA ORGANISASI PETUGAS 2024



USTAZ HISYAM AHMAD
Ketua Pegawai Eksekutif



FARIDATUL NADIRA SABARI
Setiausaha Pejabat

BAHAGIAN PENGURUSAN & PENTADBIRAN



MOHD ISKANDAR YUSOF
Pengurus Kanan



SITI NORATIFA IDAYU



MOHD ISKANDAR YUSOF

SUMBER MANUSIA, ASET, LOGISTIK



AZWAN AMERI



ANUAR ABD RAZAK



SITI NORATIFA IDAYU



MOHD ISKANDAR YUSOF

SUMBER MANUSIA, ASET, LOGISTIK



AZWAN AMERI



ANUAR ABD RAZAK

BAHAGIAN OPERASI



USTAZ MUHAMAT FAIZAL MARJANI
Pengurus



USTAZ MUHAMAT FAIZAL MARJANI



MUHAMMAD SYAIFUL ZIKRI RAZMI



MUHAMMAD SYAIFUL ZIKRI



KHAIROL AZWAN HABIB



WAN NURUL NATASHA



SYARIAH



PENGURUSAN DATA



**JUALAN &
PEMASARAN**




KHAIROL AZWAN HABIB



WAN NURUL NATASHA

CARTA ORGANISASI PETUGAS 2024





MODEL WAQAF FELDA

06



Soalan Lazim

Apakah hak dan keistimewaan pewakaf (selain ganjaran pahala daripada Allah SWT)?

Pewakaf yang juga merupakan ahli Syarikat berhak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan tersebut. Pewakaf juga berhak menerima Laporan Kewangan Beraudit Syarikat serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Syarikat.


MODEL

LEMBAGA



AGIHAN MANFAAT

KEBAJIKAN UMUM



KEAHLIAN SUMBER DANA WAKAF

FELDA & ANAK SYARIKAT FELDA



FELDA



FIC



FPM

SYARIKAT BERKEPENTINGAN



FGV



MSM



ENCORP

KOPERASI



KOGUNA



KPF2



KPF



FELKOP

NGO & BADAN PENEROKA



JKKR
FELDA



GPW



KAF



MBFM

INDIVIDU



PENEROKA



KAKITANGAN



ORANG AWAM

KATEGORI KEAHLIAN WAQAF FELDA



PENGAGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA



DANA WAKAF



PELABURAN & PERNIAGAAN

65%

PELABURAN SEMULA

30%

KEBAJIKAN UMUM

Agihan manfaat yang merangkumi aspek kesihatan dan dhaif, bencana, kemudahan awam, Pendidikan, kerohanian dan bantuan ekonomi.

5%


MAIWP

Sumbangan kebajikan melalui MAIWP

SASARAN PEWAKAF



KEMAJUAN KEAHLIAN SEHINGGA JUN 2024



Individu

2023: 38,553 AHLI

JUN '24: 39,990 AHLI



Badan Korporat

2023: 748 AHLI

JUN '24: 796 AHLI

Keluarga Peneroka

2023 34,196 AHLI JUN 2024 35,030 AHLI

Petugas FELDA/FGV/Kumpulan FELDA dan FGV

2023 4,101 AHLI JUN 2024 4,282 AHLI

Lain-lain Individu

2023 256 AHLI JUN 2024 678 AHLI

Badan & syarikat di Rancangan

2023 707 AHLI JUN 2024 678 AHLI


FELDA/ Kumpulan syarikat/ Koperasi/ Pertubuhan

2023 15 AHLI JUN 2024 17 AHLI

Organisasi luar FELDA

2023 26 AHLI JUN 2024 31 AHLI

SASARAN PEWAKAF



PROGRES KUTIPAN SEHINGGA JUN 2024



Individu

2023: RM9,833,126

JUN '24: RM10,496,976

Badan Korporat

2023: RM25,985,576

JUN '24: RM26,163,950

Wakaf Am

RM1,595,454

Keluarga Peneroka

2023

RM 7,906,126

JUN 2024

RM 8,275,370

Petugas FELDA/FGV/Kumpulan FELDA dan FGV

2023

RM 1,860,916

JUN 2024

RM 2,115,319

Lain-lain Individu

2023

RM 66,084

JUN 2024

RM 107,276

Badan & syarikat di Rancangan

2023

RM 1,747,398

JUN 2024

RM 1,880,265

FELDA/ Kumpulan syarikat/ Koperasi/ Pertubuhan

2023

RM 23,616,845

JUN 2024

RM 23,659,648

Organisasi luar FELDA

2023

RM 621,333

JUN 2024

RM 624,103

LAPORAN AGIHAN DANA SOSIAL 2023/2024

BAKI
2022-2023
RM92.16

PERUNTUKAN
2023-2024
RM154,856.00

RM154,948.16

PERLU DIAGIH 2023/2024
RM154,948.16



PENERIMA MANFAAT
8,081 PENERIMA



TELAH DIAGIH
RM146,288.10
(94.4%)

KLUSTER KESIHATAN & DAIF



RM81,096
2,012 PENERIMA

KLUSTER PENDIDIKAN & KEROHANIAN



RM38,233
2,967 PENERIMA

KLUSTER BENCANA



RM14,476.10
732 PENERIMA

KLUSTER KEMUDAHAN AWAM



RM11,483
2,466 PENERIMA

KLUSTER EKONOMI



RM1,000
4 PENERIMA

SALURAN BERWAKAF

01



SECARA ATAS TALIAN

Permohonan keahlian dan sumbangan wakaf boleh dibuat dengan melayari www.waqaffelda.com.my dan mengikuti langkah yang telah disediakan di laman sesawang. Pemohon akan menerima notifikasi melalui emel yang berdaftar.

02



SECARA TUNAI (BORANG)

Pemohonan keahlian boleh dibuat secara tunai dengan mengisi borang permohonan keahlian dan disertakan dengan bukti pembayaran.

03



SECARA POTONGAN GAJI

Melalui potongan gaji (Kakitangan) Petugas FELDA atau kumpulan FELDA kini boleh berwakaf melalui potongan gaji dengan mengisi borang yang telah disediakan.

04



SECARA POTONGAN PAYSHEET

Melalui potongan paysheet (Peneroka). Peneroka yang ingin berwakaf dengan WAQAF FELDA boleh menggunakan kaedah potongan paysheet melalui Jabatan Kewangan FELDA.

LAPORAN AKTIVITI WAQAF FELDA

08

Soalan Lazim

Ke manakah aliran manfaat dana wakaf?

Model Waqaf Korporat di WAQAF FELDA menggunakan wakaf *istithmar* seperti amalan Saidina Umar, iaitu keuntungan pelaburan dana wakaf akan diagihkan untuk agihan manfaat. Agihan manfaat diaturkan kepada tiga (3) pecahan: (1) 65% untuk pelaburan semula dan penampaian, (2) 30% untuk kebajikan umum melalui WAQAF FELDA ataupun FELDA, dan (3) 5% untuk Kebajikan melalui MAIWP.

Kategori Kebajikan umum: (1) Kesihatan & Daif, (2) Pendidikan & Kerohanian, (3) Bencana, (4) Kemudahan awam, dan (5) Ekonomi.

AKTIVITI DAN PROGRAM

i. Kerjasama Strategik



Kerjasama bersepadu antara 5 agensi iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Waqaf An-Nur, KPJ Healthcare, Majlis Agama Islam Negeri Pahang (MUIP) dan WAQAF FELDA telah berjaya mewujudkan kemudahan awam yang boleh dinikmati oleh masyarakat. Klinik bergerak Wakaf ini telah dirasmikan oleh YB Senator Fauziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup. Penyerahan ini diadakan di dewan semai bakti FELDA Chini 05 Wilayah Kuantan.



ii. WAQAF RUN 1.0

Waqaf Run: Dikuasakan oleh WAQAF FELDA

Pada 14 Februari 2024, WAQAF FELDA dengan kerjasama Pure Lifestyle (M) Sdn Bhd dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya menganjurkan acara Waqaf Run bertempat di Dataran DBKL. Acara ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 1,200 orang peserta.



Acara ini telah dijajakan dengan sokongan padu daripada penaja-penaja terkemuka seperti MSM, KPF2, KOGUNA, Encorp, MNZWaja, MBSB, dan FIC IPM. Sumbangan dan sokongan daripada penaja-penaja ini telah memastikan kelancaran acara serta penyediaan pelbagai kemudahan dan hadiah yang menarik untuk peserta.

Waqaf Run 2024 bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti larian dan memupuk semangat kebersamaan serta perpaduan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, acara ini juga berperanan sebagai platform untuk mempromosikan kepentingan waqaf dalam membangun dan memajukan masyarakat.





iii. Wakaf Vaganza 2024 (Edisi Ramadan)

WAKAF VAGANZA

Julung kalinya, dengan berwakaf berpeluang untuk memenangi cabutan bertuah hadiah yang menarik antaranya motosikal, skuter elektrik, basikal, emas 999 dan telefon pintar.

Pelaksanaan WAKAF VAGANZA 1.0 berlangsung 12 Mei 2024–3 April 2024.

Kempen Waqaf Vaganza ini bertujuan untuk menggalakkan para pewakaf untuk berwakaf dengan Waqaf FELDA .

Hadiyah dan operasi kempen ini tidak menggunakan dana wakaf. Kempen ini adalah berpandukan garis panduan Peraduan Berasaskan Hadiah Bil.5 (2013) terbitan JAKIM dan diperakui oleh Sekretariat Syariah Waqaf FELDA.



iv. Pelantikan IKON Waqaf FELDA



IMAM MUDA **NAZRUL**

- Naib Juara Imam Muda 2011
- Anak Peneroka FELDA Maokil 01, Wilayah Segamat
- Nama penuh: Nazrul Izwan bin Zolkiflee



v. Pelantikan IKON Waqaf FELDA

INTEAM

KUMPULAN NASYID



vi. Pelantikan IKON Waqaf FELDA



AHMAD FEDTRI YAHYA

- Personaliti TV
- Salam Waqaf (Edisi Khas Bersama Fedtri Yahya)



vii. Semarak Subuh

Kempen solat subuh berjemaah dan penerangan di rancangan-rancangan FELDA turut melibatkan pengurusan Wilayah bersama pihak Waqaf FELDA. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah **solat subuh berjemaah, sesi tazkirah atau sharing, fun-walk, memanah dan pelbagai aktiviti menarik untuk semua golongan peringkat umur.**



viii. Bulan Waqaf

Bulan Waqaf ini dijalankan pada setiap bulan mengikut wilayah yang ditetapkan.

Antara pengisian yang dimasukkan ialah program penerangan ke blok-blok, kuliah, forum perdana, penyerahan agihan manfaat dalam sesi ziarah kasih yang melibatkan 11 Wilayah dalam FELDA.



AGIHAN MANFAAT

Kategori Agihan Manfaat terdiri daripada **lima Kluster** antaranya:

Pendidikan dan Kerohanian

- Sumbangan peralatan pembelajaran
- Sumbangan kelengkapan masjid
- Dana program mega masjid

Kesihatan dan Daif

- Pek Makanan kepada Gelandangan;
- Peralatan Kesihatan;
- Bantuan tunai dan peralatan

Bencana

- Sumbangan kecemasan



Ekonomi

- Modal bantuan permulaan perniagaan kecil (SME)

Kemudahan awam

- Sumbangan untuk infrastruktur dan kemudahan kegunaan awam;
- Klinik Bergerak Wakaf

SENARAI NAMA PENERIMA AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

BENCANA

1. BANTUAN BENCANA TURKIYE
2. WARGA PENEROKA BUKIT SERAMPANG
3. ISHAH BINTI CHE LAH
4. NOR BAIZURA BINTI ABDULLAH
5. MOHD SALLEH BIN MOD ZAIN
6. AHMAD BIN MAT HUSSAIN
7. ROHIZA BINTI BAKAR
8. RADAH BINTI UTAR
9. MOHD FAIRUS BIN MOHD ZABRI
10. ROSLAN BIN SAHARI

EKONOMI

1. HAZLINA BINTI RAZALI

KEMUDAHAN AWAM

1. PMG FELDA CHUPING
2. PERSATUAN PENGURUSAN JENAZAH GUA MUSANG

KESIHATAN & DHAIF

1. GELANDANGAN KL (600 Orang)
2. AIDA BIN OMAR
3. AMINAH BINTI IBRAHIM
4. FAUZIA BINTI ALI
5. MAHERAN BINTI RAMLI
6. MAZLINA BINTI YAACOB
7. MOHD ZELAN BIN AWANG
8. MUHAMMAD NUR SYARIQ BIN ABDULLAH
9. ZAITON BINTI ABU
10. ABU BAKAR BIN ABD RAHMAN
11. NORRISAH BINTI SUBOH
12. SHARI BIN MAT ISIN
13. MOHD YAZID BIN SHAFIE
14. ZAMANI BIN OTHMAN
15. MOHAMMED BIN HASAN
16. MOHD ALIZAN BIN ZAKARIYA
17. RAZALI BUYONG BIN AHMAD
18. JUMAHR
19. FARIDAH BINTI WAN YUSOF
20. IBRAHIM BIN JUSOH
21. MAZLAN BIN ALI
22. SALLEH BIN BAKAR
23. WAN DAUD BIN WAN NIK
24. MOHD FAISAL BIN MOHAMMED ZAINI
25. MOHD GHIZALI BIN MAMAT
26. KAMISAH BIN MOHD IDRIS
27. MAZULAZIAH BINTI ABD RAHMAN
28. RAKIAH BINTI SALLEH
29. RODZIAH BINTI BAHARUDIN
30. WOOK BINTI MOHAMAD
31. MOHD.NOR B. AWI
32. TASMAN B. TASMIN
33. AMRAN BIN SHOFLAI
34. DHIA CARISSA BINTI AZIZI
35. HENDRAWATY BINTI DAUD
36. MOHAMAD NOR FITRI BIN ABDUL HARIM
37. MOHD SAIFUDIN BIN MASANI
38. MUHAMMAD SHAIRID HADIF BIN RIDHUAN SHAH
39. NORHAZLIN BINTI GHAZALI
40. NUR AZILAH BINTI ABDULLAH
41. NURRASHIKIN BINTI MOHD YUSOFF
42. SHAMSOL BIN ABDULL HAMID
43. SYAZANA BINTI SAPENGEI
44. MUSTAFFA KAMALUDIN BIN MAHMOD
45. NHOM BINTI BAHRON
46. NORASIKIN BT MOH AZMAN
47. ROSLI BIN DANI
48. MOHAMAD FAUZI BINTI YUSOH
49. ZINAH BINTI HUSIN
50. ABU HASSAN BIN MOHAMED
51. HALIJAH BINTI MOHD NAWARI
52. MARJONI BIN MOHDIN
53. MOHD ROZIN BIN ISMAIL
54. NORDIN BIN AHMAD
55. RAZEMAH BINTI AZIZ
56. SITI NADIYAH BINTI MOHAMAD
57. IBRAHIM BIN JUSOH
58. MUSTAFFA BIN ADAM
59. NORHIDAYU BT MAT HANAFIAH
60. SAIDI BIN AWANG
61. WAN MOHD SHOPIAN B WAN CHIK
62. ERMA SAZALI BIN HASAN
63. ABDUL KEFLI BIN GANI
64. HAYANG BIN BANNAH
65. JADIAH BINTI BAITULLAH
66. NORDIN BIN AMAT

SENARAI NAMA PENERIMA AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KESIHATAN & DHAIF

67. SAMEUN BIN IMMAM KASSAN
68. MUHAMMAD IZZUL ISLAM BIN MOH DIAR
69. ARIL BIN ATHAN
70. JAMILAH BINTI TALOI
71. JAUAJIRA BINTI HASIM
72. JUMAIN BIN BANDAHALAN
73. MARI BINTI SANDEK
74. MUHABIL BIN HAMJAN
75. SALIS BIN LAKIM
76. MUHAMMAD IQMAL BIN CHE MALIK
77. MOHD KHAIRUL BIN MD SAAD
78. MOHD KHALIL BIN MD LAZIM
79. MOHAMAD ZULHELMI B ZULKARNAIN
80. ROHANI BINTI TAMIN
81. KASNAH BINTI HANAFI
82. NORDIANA BINTI MOHD NAIM
83. MAZITA BINTI A.RAHMAN
84. MANSOR BIN YASSIN
85. ABD RAHMAN BIN HUSSIN
86. MARIAM @ JALIA BINTI ABD WALIE @ AMSANI
87. SITI ASAHS BINTI HASSAN
88. SAHARIAH BINTI BOHARY
89. EBRAHIM BIN ABIRIN
90. JUSOH BIN KIBING
91. NUR KAMILAH SAFURA BINTI NGAH
92. FAIZAH BINTI MOHAMMAD
93. ROSLINA BINTI AMIT
94. FATIN ZULAIHA BINTI KARIA
95. SEMSIAH BINTI HAMZAH
96. MOHAMAD ZAILAN BIN ISMAIL
97. ANAK-ANAK YATIM AL-MAHABBAH BUKIT RAJA
98. ANAK-ANAK YATIM SUNGAI PINANG
99. PELAJAR MAAHAD TAHFIZ SG PINANG
100. 600 GELANDANGAN (PROGRAM AGIHAN PAX RAMADHAN KEPADA GELANDANGAN SEKITAR KUALA LUMPUR)
101. RUSMANIRA BINTI MUSTAPHA
102. ANAK YATIM DAN IBU TUNGGALDI FELDA BUKIT TONGKAT, WILAYAH SEGAMAT
103. NORRIZAH BINTI MOHAMAD

PENDIDIKAN & KEROHANIAN

1. MASJID LEPAR HILIR
2. MASJID KERTEH 06
3. PIBG SMK KEMAHANG
4. SEKOLAH AGAMA RAKYAT BUKIT EASTER
5. SK KEMAHANG
6. SEKOLAH KEBANGSAAN JELAI 2 (KAP)
7. SEKOLAH AGAMA RAKYAT ULU TEBRAU
8. MASJID KEMAHANG 02 (WAN AZRI BIN WAN ISMAIL)
9. PERSATUAN KEBAJIKAN SUKARELAWAN DAN SOSIAL KUANTAN (PERKAS)
10. PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN AL MAHABBAH (BUKIT RAJA)
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM
11. DAN MISKIN SUNGAI PINANG
MAAHAD TAHFIZ SUNGAI PINANG
12. ASNAF-ASNAF DAN ANAK YATIM WILAYAH
13. TROLAK

IMPAK AGIHAN MANFAAT BERDASARKAN ANALISIS MAQASID SYARIAH

Secara umumnya, Maqasid Syari'ah boleh ditakrifkan sebagai:

"Tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syari'at Islam dalam hukum-hakam yang disyariatkan serta rahsia disebaliknya dengan tujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia".

Pembahagian Maqasid Syari'ah dari sudut kepentingannya kepada maslahah manusia terbahagi kepada tiga, iaitu **al-Dharuriyyat**, **al-Hajiyyat** dan **al-Tahsiniyyat**.

Al-Dharuriyat

Ia merupakan perkara yang mana kehidupan manusia memerlukannya dan bergantung kepadanya. Jika sekiranya perkara tersebut tiada, manusia akan mengalami kesukaran dalam kehidupannya di dunia mahupun akhirat.

Al-daruriyat terbahagi kepada **lima asas utama**



Keselamatan agama (ketaatan ibadah kepada Allah SWT)



Keselamatan nyawa (individu)



Keselamatan akal (termasuk hati nurani)



Keselamatan atau kelangsungan keturunan (kelangsungan manusia) serta terjaga dan terlidunginya harga diri dan kehormatan seorang



Keselamatan serta perlindungan atas harta kekayaan yang dikuasai atau dimiliki seorang.

Al-Hajiyyat

Al-hajiyyat ialah perkara yang diperlukan oleh manusia bagi memberikan kemudahan kepadanya dan menghilangkan kesukaran. Ketiadaan perkara-perkara al-hajiyyat tidak membawa kepada kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana ketiadaannya perkara-perkara al-dharuriyyat, namun ia akan membawa kepada kesukaran dalam kehidupan manusia.

Al-Tahsiniyyat

Al-tahsiniyyat ialah merupakan perkara-perkara yang menyempurnakan dan mencantikkan urusan manusia. Ketiadaan perkara-perkara al-tahsiniyyat tidak membawa kepada kesukaran dalam hidup manusia seperti mana ketiadaannya perkara-perkara al-dharuriyyat dan al-hajiyyat, tetapi keberadaannya akan membawa kepada kehidupan yang lebih sempurna buat manusia.

(Al-Imam as-Syatibi : al-Muwafaqat fi Usul as-Syari'ah)



1. AGIHAN KESIHATAN DAN DHAIF

i. Agihan Pek Ramadan Kepada Gelandangan



Acara tahunan Waqaf FELDA, Program Agihan Manfaat kepada Gelandangan di sekitar kawasan Kuala Lumpur di Anjung Singgah Kuala Lumpur, Pusat Transit Gelandangan dan Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit. WAQAF FELDA telah menyalurkan pek makanan kepada 600 orang gelandangan di Kuala Lumpur.

Program ini merupakan anjuran bersama Yayasan FELDA dan Persatuan Kakitangan Kanan FELDA (PKKF).



PERSATUAN KAKITANGAN KANAN FELDA



ii. Bantuan sumbangan tunai dan peralatan kesihatan

Sepanjang tahun 2023, WAQAF FELDA telah menyalurkan agihan manfaat wakaf dalam pelbagai bentuk. Antaranya adalah sumbangan tunai dan penyaluran peralatan kesihatan.



- Kerusi roda
- Alat bantu kesihatan seperti Prolife electric patient hoist
- Alat penafasan
- Bantuan rawatan untuk mengurangkan kos rawatan di hospital



iii. Agihan kepada kakitangan FELDA

Agihan Manfaat telah diagihkan kepada petugas FELDA dan ahli keluarga mereka yang diuji dengan masalah kesihatan seperti sakit kronik. Agihan diberikan kepada dalam bentuk tunai.



2. KATEGORI PENDIDIKAN & KEROHANIAN.

i. Bantuan kerusi kepada sekolah



Waqaf FELDA telah memberikan sumbangan kerusi bagi keselesaan pelajar.





ii. Agihan Manfaat kepada masjid


Agihan Kerusi dewan di Masjid Felda Kemahang 02.

Institusi masjid turut menerima sumbangan agihan Waqaf FELDA seperti kerusi dewan masjid.




iii. Agihan Manfaat kepada pelajar-pelajar Maktab Renda Sains Mara Ulul Albab (FELDA Wilayah Trolak)

WAQAF FELDA telah menyalurkan sumbangan tunai kepada pelajar-pelajar MRSM Felda Trolak yang disampaikan menerusi YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.



iv. Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Dan Pelajar-Pelajar Tahfiz

Seramai 105 kanak-kanak yang terdiri daripada kalangan anak-anak yatim dan juga pelajar tahfiz telah menerima manfaat wakaf daripada WAQAF FELDA. Anak-anak ini merupakan mereka yang menghuni rumah jagaan anak yatim yang dikelola oleh Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin Sg Pinang. Turut menerima manfaat wakaf adalah pelajar-pelajar tahfiz yang melanjutkan pengajian mereka di madrasah-madrasah Bukit Raja dan juga Sg Pinang.



3. KATEGORI BENCANA

i. Bantuan Banjir

WAQAF FELDA dengan kerjasama pihak pengurusan rancangan menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir dan berkhidmat membersih rumah yang terlibat di Felda Tenang Besut Wilayah Terengganu.



ii. Bantuan rumah terbakar

Kebakaran yang berlaku telah memusnahkan kediaman generasi kedua (pentadbir) di rancangan FELDA Keratong 01.

Waqaf FELDA turut menyampaikan agihan manfaat kepada beliau dalam bentuk tunai dan barang keperluan asas rumah.



4. KEMUDAHAN AWAM

i. Alat Penimbang getah

Penimbang getah merupakan alat yang penting dalam transaksi jual beli getah skrap bagi penoreh-penoreh getah, termasuk di kawasan FELDA Chuping.



Penggunaan penimbang getah yang tepat dan berkualiti adalah penting dalam memastikan keadilan dan ketelusan dalam transaksi jual beli getah skrap bagi penoreh di FELDA Chuping. Dengan alat yang sesuai, penoreh boleh memastikan mereka mendapat harga yang adil untuk hasil kerja mereka, sementara pembeli juga boleh yakin dengan ketepatan timbangan yang digunakan.



CATATAN